


## Tindakan Jabatan Meteorologi selepas gempa bumi di Bengkulu

- **7.13 mlm:** Satu gempa bumi kuat bermagnitud 6.7 skala Richter dikesan berlaku di Bengkulu, Selatan Sumatera. Lokasi terletak pada 4.5 Selatan 101.3 Timur. Jarak adalah 127km barat daya Bengkulu, 718km barat daya Johor Bahru.
- **7.15 mlm:** Maklumat awal dikeluarkan melalui SMS kepada pegawai-pegawai pengurusan bencana, MOSTI, MCC dan Media.
- **7.25 mlm:** Maklumat awal dikeluarkan melalui faks dan web kepada pegawai-pegawai pengurusan bencana, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Pusat Kawalan Malaysia (MCC) dan Media.
- **7.24 mlm:** Pemerhatian tsunami mencatatkan magnitud gempa pada 7.9 skala Richter.
- **7.51 mlm:** Amaran tsunami dikeluarkan. Penduduk di empat buah negeri iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang, dan Perak dinasihatkan menjauhi kawasan pantai.
- **7.57 mlm:** Amaran tsunami dengan magnitud 7.9 Skala Richter dikeluarkan melalui Fax dan web kepada pegawai pengurusan bencana, MOSTI, MCC dan Media.
- **8.08 mlm:** Pemerhatian tsunami dari Agensi Meteorologi Jepun mencatatkan magnitud gempa pada 8.2 skala Richter.
- **11.00 mlm:** Amaran tsunami di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, dan Perak ditamatkan kerana tsunami kecil yang berlaku di pantai barat daya Sumatera tidak memberi ancaman kepada perairan negara.

*\*Nota: Malaysia cepat 1 jam dari Jakarta.*

## GEMPA DI SUMATERA



## GEGARAN DI MALAYSIA



## Kronologi gempa bumi di Indonesia

- **12 Dis. 1992:** Gempa 6.8 pada skala Richter melanda wilayah timur Nusa Tenggara mengorbankan lebih 2,200 penduduk.
- **26 Dis. 2004:** Hampir 132,000 orang terbunuh dan lebih 37,000 lagi hilang apabila tsunami melanda wilayah Aceh akibat gempa berukuran 9.15 pada skala Richter.
- **28 Mac 2005:** Gempa berukuran 8.7 pada skala Richter di Sumatera mengorbankan hampir 1,000 penduduk.
- **27 Mei 2006:** Gempa 6.2 pada skala Richter melanda bandar bersejarah di Yogyakarta mengakibatkan 5,700 terbunuh dan memusnahkan 150,000 buah rumah.
- **17 Julai 2006:** Lebih 550 terkorban manakala 54,000 kehilangan rumah akibat gempa berukuran 7.7 pada skala Richter yang turut menyebabkan tsunami di Jawa Barat.
- **6 Mac 2007:** Dua kejadian gempa bumi kuat meragut 72 nyawa dan berpuluh yang lain cedera di wilayah Padang, Sumatera Barat.
- **12 Sept. 2007:** Gempa berukuran 7.9 pada skala Richter di wilayah Bengkulu. Jumlah korban dan kemusnahan harta benda belum diketahui.



SEORANG penduduk melihat runtuh bangunan akibat gempa bumi kuat yang melanda wilayah Padang, Sumatera Barat, Indonesia, semalam.

- Reuters



PENDUDUK Chennai di selatan India yang tinggal di pesisir pantai diarah meninggalkan rumah masing-masing setelah amaran tsunami dikeluarkan oleh pihak berkuasa negara itu berikutan kejadian gempa bumi kuat di Indonesia.



Reuters